



SIARAN AKHBAR

PEMBUKAAN BENGKEL TEKNIKAL ASEAN-KOREA COOPERATION FUND (AKCF) KALI KE-4 PENGURUSAN MINERAL YANG KRITIKAL DAN STRATEGI YANG MAMPAN UNTUK ALAM SEKITAR DI ASEAN

Isnin, 10 Jamadilakhir 1447H | 01 Disember 2025M

1. Sesi Pembukaan Bengkel Teknikal *ASEAN-Korea Cooperation Fund* (AKCF) kali ke-4 bagi Pengurusan Mineral yang Kritikal dan Strategi yang mampan untuk Alam Sekitar di Negara-Negara ASEAN telah diadakan di sebuah hotel di Kampung Kiulap pada pagi ini. Bengkel selama tiga hari itu akan berlangsung dari 01 hingga 03 Disember, menghimpunkan pakar, pengamal serta pegawai teknikal dari kesemua Negara Anggota ASEAN dan Republik Korea.
2. Projek AKCF ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan ASEAN dalam mengurus mineral yang kritikal termasuk mewujudkan pengetahuan mengenai *critical mineral ASEAN* secara menyeluruh, mendokong pertukaran data geologi dan keupayaan pemetaan Sistem Maklumat Geografi (*Geographical Information System [GIS]*), mempromosikan tadbir urus sektor mineral yang bertanggungjawab dan mampan serta meningkatkan kerjasama serantau dan pembangunan dasar.
3. Seiring dengan dunia yang kini bergerak ke arah tenaga bersih, keperluan terhadap mineral-mineral ini semakin meningkat. Teknologi boleh diperbaharui memerlukan jumlah mineral yang jauh lebih besar berbanding sistem bahan api tradisional. Sebagai contoh, kenderaan elektrik menggunakan beberapa kali ganda lebih banyak mineral berbanding kenderaan konvensional, manakala turbin angin sangat bergantung kepada magnet nadir bumi. Pada masa yang sama, ketegangan geopolitik, kawalan eksport dan kesesakan rantaian bekalan telah meningkatkan risiko bagi negara yang sangat bergantung kepada sumber mineral import. Keadaan ini telah mewujudkan dorongan global untuk kepelbagaian rantaian bekalan, sumber mineral mampan dan tadbir urus mineral yang lebih kukuh.
4. Bagi Negara-Negara ASEAN, mineral yang kritikal ini adalah satu cabaran dan juga peluang. Rantau ini mempunyai simpanan mineral penting seperti nikel, timah, silika, nadir bumi dan lain-lain, yang menempatkan Asia Tenggara sebagai pemain utama dalam rantaian bekalan global. Untuk memanfaatkan peluang ini, Negara Anggota ASEAN memerlukan sistem data bersepadu, kepakaran bersama, dan rangka kerja pembangunan yang mampan. Pengukuhan keupayaan serantau bukan sahaja akan meningkatkan keselamatan mineral tetapi juga

menarik pelaburan, menyokong industri hiliran baharu dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi jangka panjang.

5. Sesi pembukaan dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Tuan Yongzheng Ma, Pengarah Sekretariat Teknikal Jawatankuasa Penyelarasan bagi Program Geosains di Asia Timur dan Asia Tenggara (CCOP); Dr. Park Gyesoon, Ketua Penyelidikan Penerokaan Mineral dan Perlombongan dari Institut Geosains dan Sumber Mineral Korea (KIGAM); Puan Amvieng Phaovongsay, Pengerusi Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Mineral (ASOMM) dari Republik Demokratik Rakyat Lao; dan Puan Rabiah Al Adawiyah, Pegawai Kanan, Bahagian Tenaga dan Mineral, Sekretariat ASEAN dari Indonesia. Ini diikuti dengan ucapan pembukaan oleh wakil Brunei Darussalam, Dr. Hajah Sarimah binti Haji Awang, Ketua Divisyen Pelaburan dan Undang-Undang, Kementerian Pembangunan, Brunei Darussalam.
6. Dalam ucapan beliau hari ini, Dr. Hajah Sarimah menyatakan bahawa bagi Brunei Darussalam, topik ini sangat selaras dengan keutamaan negara. Brunei Darussalam mengiktiraf kepentingan yang semakin meningkat dalam memahami potensi mineralnya sendiri dan peluang bagi industri hiliran dan pertengahan yang mampan sebagai usaha mempelbagaikan ekonomi di luar minyak dan gas, yang seterusnya akan membantu dalam menyediakan dasar yang lebih tepat sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.
7. Melalui bengkel ini, para peserta diharap akan dapat mengadakan perbincangan mengenai penilaian mineral yang kritikal, pengurusan data dan kemampunan dengan hadirnya kira-kira 50 peserta peringkat teknikal dari kesemua Negara Anggota ASEAN, Repulbik Korea, Pejabat ASEAN Sekretariat dan Sekretariat Teknikal CCOP bagi menyokong pembangunan rangka kerja mineral kritikal serantau. Bengkel teknikal kali ke-4 yang dianjurkan oleh Brunei Darussalam ini turut merangkumi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (*Project Steering Committee* [PSC]) untuk menilai kemajuan dan hala tuju pengurusan mineral yang kritikal.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: pr@mod.gov.bn



PRESS RELEASE

OPENING OF THE 4TH ASEAN-KOREA COOPERATION FUND (AKCF) TECHNICAL WORKSHOP ON *CRITICAL MINERALS MANAGEMENT AND STRATEGY FOR SUSTAINABLE ENVIRONMENT IN ASEAN*

Monday, 10 Jamadilakhir 1447H | 01 December 2025M

1. The Opening of the 4th ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF) Technical Workshop on *Critical Minerals Management and Strategy for Sustainable Environment in ASEAN* was held at a hotel in Kampung Kiulap this morning. The three-days' workshop will take place from 1st to 3rd December, bringing together experts, practitioners and technical officers from all ASEAN Member States and Republic of Korea.
2. The AKCF project aims to strengthen ASEAN's ability to manage critical mineral including establishing an ASEAN-wide knowledge on mineral criticality; supporting geological data exchange and Geographical Information System (GIS) mapping capacity; promoting responsible and sustainable mineral sector governance; as well as enhancing regional collaboration and policy development.
3. As the world moves towards clean energy, the need for critical minerals is growing even more. Renewable technologies require significantly larger quantities of minerals than traditional fossil-fuel systems. Electric vehicles, for example, use several times more mineral inputs than conventional cars, while wind turbines depend heavily on rare earth magnets. At the same time, geopolitical tensions, export controls and supply chain bottlenecks have amplified risks for countries that rely heavily on imported mineral resources. This has created a global push for supply chain diversification, sustainable sourcing and stronger mineral governance.
4. For ASEAN, critical minerals represent both a challenge and an opportunity. The region hosts important mineral deposits such as nickel, tin, silica, rare earths and others, that positions Southeast Asia as a key player in global supply chains. To take advantage of this, ASEAN Member States need coordinated data systems, shared expertise and sustainable development frameworks. Strengthening regional capacity will not only improve mineral security but also attract investment, support new downstream industries and contribute to long-term economic diversification.

5. The opening commenced with welcoming addresses by Mr. Yongzheng MA, Director of the Coordinating Committee for Geoscience Programmes in East and Southeast Asia (CCOP) Technical Secretariat; Dr. Park Gyesoon, Head of Mineral Exploration and Mining Research of the Korea Institute of Geoscience and Mineral Resources (KIGAM); Ms. Amvieng Phaovongsay, ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM) Chair from the Lao People's Democratic Republic; and Ms. Rabiah Al Adawiyah, Senior Officer, Energy and Minerals Division, ASEAN Secretariat from Indonesia. This was followed by an opening remarks by Brunei's representative, Dr. Hajah Sarimah binti Haji Awang, Head Division of Investment and Legal, Ministry of Development, Brunei Darussalam.
6. In her opening remarks, Dr. Hajah Sarimah expressed that for Brunei Darussalam, this particular topic resonates strongly with the nation's priorities. Brunei recognizes the growing importance of understanding its' own mineral potential and the opportunities for sustainable downstream and midstream industries as an effort to diversify the economy beyond oil and gas which will further aid in making informed policy decisions that aligns with Brunei Vision 2035.
7. Through this workshop, the participants are expected to take forward any discussions on mineral criticality assessments, data managements and sustainability as it brings together around 50 technical-level participants from all ASEAN Member States, Republic of Korea, ASEAN Secretariat and CCOP Technical Secretariat in supporting the development of a regional critical mineral's framework. The 4th Technical Workshop hosted by Brunei Darussalam also includes a Project Steering Committee (PSC) meeting to review progress and the way forward for critical minerals management.

-END-

Prepared and released by:
Public Relations Unit
Ministry of Development
Brunei Darussalam
E-mail: pr@mod.gov.bn